



ANM(T)81/20/8/15 Jld.28(24)
25 Februari 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Tuan,

**PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA TAHUN 2010**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan mengadakan Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) pada **16 Jun 2010**. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan amatlah diharapkan agar dapat memaklumkan perkara ini secara menyeluruh kepada semua anggota di bawah seliaan tuan yang layak mendudukinya, termasuk anggota yang berkhidmat di agensi dan badan berkanun seliaan kementerian atau jabatan tuan.

3. Berikut adalah **syarat-syarat permohonan** dan cara memohon peperiksaan BITK berkenaan:

i. Pegawai Yang Layak Memohon

- a. Pembantu Akauntan [PA]
- b. Pembantu Tadbir (Kewangan) [PT(Kew)]
- c. Anggota dalam skim berikut yang menjalankan tugas kewangan dan menerima BITK RM40.00 sebulan
 - Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)[PT(P/O)]
 - Skim Perkhidmatan lain yang setaraf dan yang lebih rendah dari PA, PT(Kew) dan PT(P/O)

- d. Anggota dalam Perkhidmatan Negeri dan Badan-Badan Berkanun yang ingin menduduki peperiksaan hendaklah mendapat persetujuan Pihak Berkuasa masing-masing terlebih dahulu.

ii. Cara memohon

- a. Permohonan untuk menduduki peperiksaan BITK ini hendaklah dibuat secara *online* dengan melayari laman web JANM di www.anm.gov.my
- b. Semua calon hendaklah memastikan maklumat yang dikemukakan adalah benar. Sekiranya maklumat yang diberikan didapati tidak benar, keputusan peperiksaan berkenaan akan terbatal.
- c. Pastikan kod peperiksaan dan kod pusat peperiksaan yang diisi adalah lengkap dan betul.
- d. Permohonan melalui borang OMR tidak akan dilayan.

iii. Sukatan Peperiksaan

- a. Sukatan peperiksaan yang telah diluluskan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Kewangan adalah seperti di Lampiran A.

iv. Tarikh Tutup Permohonan

- a. Tarikh tutup permohonan adalah pada **29 Mac 2010 (Isnin)**.
- b. Sila cetak Slip Akaan Terimaan permohonan sebagai bukti permohonan telah dibuat.


4. Slip Arahan Calon yang mengandungi angka giliran, pusat, tarikh dan masa peperiksaan boleh dicetak melalui laman web jabatan 2 minggu sebelum tarikh peperiksaan. Slip ini hendaklah dibawa bersama-sama semasa menghadiri peperiksaan berkenaan. **Sebarang permohonan perubahan pusat peperiksaan tidak akan dilayan.**

5. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan boleh dikemukakan terus kepada Urus Setia Peperiksaan di talian 03-88821086/1814/1087 atau melalui email di alamat urus_peg@anm.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
”Inovasi Pemangkin Kecemerlangan Perkhidmatan”

Saya yang menurut perintah,



(WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN)
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
b.p Akauntan Negara Malaysia

- s.k:
- i. Semua Pengarah Bahagian JANM
 - ii. Semua Pengarah Negeri/Cawangan JANM
(Perhatian tuan adalah ditarik kepada para 3(ii) mengenai cara memohon peperiksaan BITK. Sukacita dimaklumkan bahawa borang OMR tidak digunakan lagi.)
 - iii. Fail Timbul

**SUKATAN PEPERIKSAAN
BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)**

1. Matlamat sukatan : Untuk menentukan bahawa undang-undang dan peraturan mengenai kewangan dan perakaunan kerajaan difahami dan diketahui penggunaannya dalam segala urusan harian. Pengetahuan ini penting bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dalam pengurusan kewangan kerajaan.

2. Tujuan peperiksaan : Untuk membolehkan:
 - i. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan
 - ii. Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan)

memiliki sijil bagi layak dibayar BITK RM80.00 sebulan.

3. Pegawai yang layak menduduki peperiksaan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan, Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan).

4. Sukatan peperiksaan : Soalan-soalan peperiksaan adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :-
 - i. Pengurusan dan Kawalan Belanjawan
 - ii. Pengurusan Kewangan Am
 - iii. Pengurusan Terimaan
 - iv. Pengurusan Perolehan Kerajaan
 - v. Pengurusan Bayaran Emolumen
 - vi. Pengurusan Pembayaran
 - vii. Pengurusan Akaun

- viii. Pengurusan Belanjawan / Kewangan / Terimaan / Pembayaran dari aspek Pihak Berkuasa Tempatan
- ix. Sistem Perakaunan Mikro

Bahan Rujukan:

- i. Arahan Perbendaharaan
- ii. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Terkini (yang berkaitan dengan kewangan)
- iii. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan dengan gaji dan elaun
- iv. Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia terkini
- v. Perintah Am Bab B (Elaun-elaun) dan Bab G (Waktu bekerja dan elaun lebih masa)
- vi. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam yang berkaitan dengan Sistem Perakaunan Mikro

Bentuk soalan : Objektif (Aneka pilihan – merangkumi teori dan kajian kes)

Jumlah soalan : 40 soalan (jawab semua soalan)

Masa : 1 ½ jam

Markah : 100

Calon-calon tidak dibenarkan merujuk kepada apa-apa bahan rujukan.

- 5. Keputusan : Lulus / kandas
- 6. Bahasa (soalan dan jawapan) : Bahasa Malaysia

7. Permohonan dikemukakan kepada : Urusetia Peperiksaan BITK
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 6, No.1, Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2
62594 Putrajaya
- Bagi permohonan daripada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah, Ketua Jabatan hendaklah mengesahkan anggota berkenaan sedang menerima BITK RM40.00 sebulan di dalam permohonan.
8. Kesenangan peperiksaan : Sekurang-kurangnya 1 kali setahun
9. Tarikh akhir mengemukakan permohonan : 29 Mac 2010 (Isnin)
10. Syarat-syarat lain : Tertakluk kepada fasal 3 di atas, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang telah memiliki sijil Peperiksaan BITK tetapi tidak menerima BITK selama lima (5) tahun atau lebih secara berterusan, perlu menduduki semula dan memperolehi sijil peperiksaan ini sebelum layak dibayar BITK RM80.00 sebulan.